



Headline: Peniaga rugi RM42,570 ditipu sindiket
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 23 December 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 34

Peniaga rugi RM42,570 ditipu sindiket

MARANG - Seorang peniaga wanita hilang wang simpanan kira-kira RM42,570 selepas terpedaya dengan panggilan individu tidak dikenali awal bulan lalu.

Kejadian berlaku selepas mangsa yang berusia 58 tahun menerima panggilan daripada seorang lelaki memaklumkan dia mempunyai notis Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kerana tidak membayar cukai dan akan dikenakan tindakan undang-undang.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Deputy Superintendan Hamdan Zali berkata, bagaimanapun mangsa menafikan ada tunggakan cukai tetapi panggilan itu kemudian disambungkan kepada 'Bank Negara'.



Selepas melakukan pemindahan wang yang diminta mangsa menyedari tertipu kerana lelaki itu masih meminta sejumlah wang."

- Hamdan

"Mangsa seterusnya dimaklumkan yang dia terbabit jenayah pengubahan wang haram sebelum lelaki itu menawarkan diri membantu mangsa dalam kes berkenaan tetapi perlu membayar sejumlah wang bagi menyelesaikan kes itu.

"Tanpa mengesyaki ditipu wanita itu melakukan beberapa transaksi pemindahan wang simpanan miliknya ke akaun bank yang diberikan," ka-

tanya ketika dihubungi di sini semalam.

Hamdan berkata, selepas melakukan pemindahan wang yang diminta mangsa menyedari tertipu kerana lelaki itu masih meminta sejumlah wang.

"Mangsa kemudiannya membuat laporan polis Khamis lalu. Kes berkenaan kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.